

## Penginterpretasian Metafora *Air* sebagai Interaksi Hubungan dalam *Weltanschauung* Melayu: Satu Analisis Model Hibrid Baharu

### Interpretation of *Water* Metaphor as a Bond Interaction in Malay *Weltanschauung*: The New Hybrid Model Analysis

NOR HAFUZA MUHAMMAD ARIF, MAIZURA OSMAN & HASMIDAR HASSAN

#### ABSTRAK

*Air begitu penting pada setiap hidupan di seluruh dunia kerana air menjadi sumber asas untuk meneruskan kelangsungan hidup yang baik. Ciri fizikal air, fungsi dan tingkah lakunya yang pelbagai membuatkan manusia memanfaatkannya untuk diabstrakkan ke dalam bentuk metafora sama ada secara lisan mahupun tulisan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menginterpretasi maksud metafora yang mengkonsepkan air sebagai hubungan dan menjelaskan perkaitan antara tingkah laku air yang dikaji dengan makna yang diperoleh. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif. Bagi mendapatkan data yang berunsurkan metafora, tingkah laku air seperti mengalir dan meresap telah dijana dalam Korpus DBP. Oleh itu, Model Hibrid Baharu dijadikan sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora untuk mencungkil maksud tersirat daripada ungkapan metafora yang menyerlahkan konsepsi hubungan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa air sebagai konsepsi hubungan terserlah dalam empat perspektif, iaitu kekeluargaan, kepimpinan, keagamaan dan keperibadian. Dapatan yang diperoleh ini berupaya menjelaskan persepsi orang Melayu terhadap unsur air sekali gus mencerminkan weltanschauung Melayu dalam berbahasa. Kajian sebegini harus dikembangkan lagi kerana kedinamikan air didapati boleh menghasilkan pelbagai konsep selari dengan konteks yang dibicarakan. Di samping itu, kekuatan Model Hibrid Baharu yang bersifat inklusif wajar dimanfaatkan dalam menganalisis ungkapan bermetafora kerana gabungan antara kekuatan pendekatan Linguistik Kognitif dan pragmatik membantu pengkaji untuk mendapatkan maksud metafora yang lebih tepat secara bersistematik.*

*Kata kunci: Air; hubungan; metafora; Model Hibrid Baharu; weltanschauung Melayu*

#### ABSTRACT

*Water is so crucial for everyone globally because it serves as the fundamental source for sustaining good livelihood. The diverse physical characteristics, functions, and behaviors of water make it a subject of abstraction through both oral and written metaphors. The purpose of this study is to interpret the meaning of metaphors that highlight water as a conceptualization of bonding and to elucidate the relationship between the studied behaviors of water and the derived meanings. This study is descriptive qualitative research. To obtain metaphorical data, water behaviors such as flowing and seeping were generated from the DBP Corpus. Therefore, the New Hybrid Model was employed as a mechanism for interpreting metaphors to uncover implied meanings from expressions that emphasize the concept of bond. The findings of this study indicate that water as a conceptualization of bond stands out in four perspectives which are kinship, leadership, religion, and personality. These findings are capable of explaining the Malay people's perception of the element of water, thereby reflecting the Malay thoughts in language use. Such studies should be further developed as the dynamism of water can generate various concepts in line with the discussed context. Besides, the inclusive nature of the New Hybrid Model should be leveraged in the analysis of metaphorical expressions because the combination of Cognitive Linguistic and pragmatic approaches helps researchers systematically obtain more precise metaphorical meanings.*

*Keywords: Water; bond; metaphor; New Hybrid Model; Malay weltanschauung*

## PENGENALAN

Kepentingan air sebagai sumber asas utama kepada kehidupan manusia secara sejagat tidak boleh dinafikan lagi (Azrina Sobian 2015; Armstrong et al. 2023; Loader 2023; Boxi 2023). Air dijadikan sebagai sumber minuman oleh setiap hidupan, digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian seperti memasak, mencuci pakaian, mengairi tanaman dan membekalkan tenaga elektrik melalui hidroelektrik. Selain itu, air memainkan peranan yang cukup penting dalam perkembangan sejarah tamadun manusia di dunia ini yang kebanyakannya berkembang di sepanjang sungai.

Sebagai contoh, Tamadun Mesir Purba terbina sekitar Sungai Nil, Tamadun Mesopotamia terletak antara Sungai Tigris dengan Sungai Furat (Euphrates), Tamadun China Purba di Sungai Yang Tze dan Tamadun India Purba di Lembah Indus. Menurut Atlas Sumber Baru Geografi (1965, dalam Zurinah Hassan 2010: 147), lautan meliputi 71% permukaan bumi dengan keluasan sekitar 361 juta kilometer persegi, dengan kedalaman rata-rata 3,790 meter. Ternyata, air ialah bahan yang utama di bumi dan 97% daripadanya didapati di lautan. Tubuh badan manusia pula terdiri daripada 70% komposisi air.

Hakikatnya, fungsi, sifat dan tingkah laku air yang pelbagai telah mempengaruhi perasaan, pemikiran dan kepercayaan orang Melayu yang mencerap unsur air tersebut. Akhirnya, proses ini menghasilkan persepsi yang dicerminkan oleh bahasa, budaya dan agama penuturnya (Asmah Omar 2021: 2). Hal ini boleh berlaku kerana faktor masyarakat Melayu yang sudah arif tentang sifat air di laut kerana orang Melayu hidup di pinggir-pinggir laut dan terkenal sebagai pelaut yang cekap (Zurinah Hassan 2010). Secara tidak langsung, orang Melayu menjadi cenderung untuk mengabstrakkan lambang *air* bagi mengkonsepsikan sesuatu ketika berbahasa.

Secara umumnya, kedinamikan air membolehkan penulis Melayu memanfaatkannya ketika berbahasa untuk membentuk ungkapan bermetafora. Dalam hal ini, air boleh diperincikan keadaannya yang tertentu seperti jernih, bening, keruh, cetek dan tohor. Keadaan air juga boleh dikelompokkan kepada satu domain yang khusus, iaitu domain intensiti air yang melibatkan keadaan air yang *tenang*, *beriak*, *bergelora* dan *bergelombang*.

Selain itu, air juga memanifestasikan tingkah laku yang khusus berasaskan ciri air yang bersifat fleksibel seperti *mengalir*, *meresap*, *menitis*,

*memercik* dan *membasahi*. Kepelbagaian keadaan yang dimiliki oleh air ini menyebabkan air menjadi lambang yang ostensif untuk digunakan dalam konteks metafora. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora bukan sekadar bunga-bunga bahasa, tetapi metafora itu sarat dengan makna yang didasari oleh aspek sebab dan pemikiran (Lakoff & Johnson 1980).

Oleh yang demikian, prosedur penginterpretasian metafora yang jelas dan bersistematik perlu diaplikasikan bagi mencungkil maksud tersirat yang didukung oleh ungkapan bermetafora yang diciptakan oleh orang Melayu. Dalam konteks kajian ini, teori Hibrid yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009) dan ditambah baik oleh Stöver (2010) melalui kerangka Model Proses Tiga Serangkai (MPTS) dalam Model Hibrid Bahru diaplikasikan secara holistik untuk menginterpretasi maksud metafora *air* yang berteraskan leksikal *mengalir* dan *meresap*. Kedua-dua tingkah laku air ini mengkonsepsikan air sebagai satu interaksi hubungan.

Seterusnya, kekuatan yang dimiliki oleh Model Hibrid Baharu sebagai sebuah teori yang disifatkan sebagai komplimentarisme oleh Leech (1983) perlu dimanfaatkan oleh pengkaji bahasa dengan sebaik mungkin untuk mendapatkan maksud metafora yang lebih tepat. Di samping, makalah ini turut menjelaskan dengan terperinci pengoperasian MPTS mengikut acuan Stöver (2010) sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora. Pengoperasian MPTS ini perlu dibincangkan dengan lebih lanjut kerana berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, wujud kekeliruan dari segi pengoperasian MPTS dan wujud perbezaan maklumat daripada sumber primer yang dibincangkan oleh Stöver (2010) sebelum ini.

Oleh itu, makalah ini bertanggungjawab untuk menjelaskan kekeliruan ini sekali gus menjelaskan secara lebih terperinci aspek-aspek proses mental yang berlaku apabila manusia menggunakan bahasa untuk berfikir dan mencipta makna (Hassan Ahmad 2016: 94). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menginterpretasi maksud metafora yang mengkonsepsikan interaksi hubungan dan menjelaskan perkaitan antara tingkah laku air yang dikaji dengan makna yang diperolehi.

## KAJIAN LITERATUR

Dalam konteks kajian ini, pembacaan secara kritis terhadap kajian-kajian lepas membolehkan perincian dibuat dari segi kajian metafora, kajian metafora dan kognitif serta kajian yang menerapkan Teori

Hibrid atau Model Hibrid Baharu. Secara umumnya, kajian yang menonjolkan metafora sebagai subjek utama kajian telah banyak dijalankan oleh pengkaji terdahulu seperti Asmah Haji Omar (1996), Hassan Ahmad (2003; 2016), Muhammad Haji Salleh (1989) dan Crasteris Black (1987; 2004). Kajian metafora terus berkembang seiring zaman dan metafora dibincangkan pula secara ilmiah daripada pelbagai sudut seperti kajian yang dijalankan oleh Mohamad Yazi et al. (2015), Tengku Shahrolnizam dan Rohaidah (2020), Mohamad Faradi (2021), Farhana Muslim et al. (2023) dan Seeman (2023).

Kajian-kajian ini meneliti gaya bahasa yang terdapat dalam ungkapan metafora dan fungsi metafora dan komunikasi dengan memanfaatkan pelbagai bahan kajian seperti teater tradisional, puisi, lirik lagu, wacana manifesto parti politik dan bahan kajian bersumberkan bidang perubatan. Oleh itu, kepentingan dan keistimewaan metafora dapat ditonjolkan melalui kajian-kajian sebegini.

Selari dengan peralihan zaman, kajian yang memfokuskan metafora dan kaitannya dengan kognitif semakin giat dijalankan oleh para pengkaji. Malahan, terdapat juga kajian yang meneliti metafora *air* yang digunakan dalam bahasa yang berbeza-beza sebagai satu manifestasi pemikiran pengguna bahasanya. Hal ini boleh dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Yoga (2018), Muhamad Amirul dan Nor Jamilah (2021) yang meneliti peribahasa Indonesia dan peribahasa Melayu yang bersumberkan leksikal air. Kedua-dua kajian ini berasaskan analisis Semantik Kognitif yang lebih menekankan pada konsepsi corak pemikiran penulis yang menghasilkan peribahasa tersebut.

Beberapa konsepsi telah diperoleh daripada kajian yang dijalankan oleh Yoga (2018) dalam konteks peribahasa Indonesia seperti kuantiti air menjelaskan ukuran rezeki, masalah, perasaan dan hubungan antara manusia. Kajian Muhamad Amirul dan Nor Jamilah (2021) pula mendapati bahawa berlakunya peluasan makna, iaitu makna pinggirian yang diperoleh berdasarkan metafora air.

Berikutnya, kajian Fu (2023), Loader (2023) dan Armstrong et al. (2023) turut menemukan dapatan yang menarik seperti persepsi air dalam kebudayaan Cina sangat dipengaruhi oleh kepercayaan mereka terhadap *Mencuis* (Yin dan Yang), manakala kajian yang dijalankan oleh Loader (2023) pula telah membuktikan bahawa latar tempat memainkan peranan dalam pembentukan *proverbs*, iaitu alam semula jadi Israel yang menunjukkan interaksi air dan tanah kering yang mempunyai pelbagai fungsi

boleh menghasilkan pelbagai persepsi seperti air sebagai metafora untuk mengajar (*teaching*).

Seterusnya, kekuatan kajian Armstrong et al. (2023) ialah dari segi kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data berkaitan dengan komunikasi silang budaya yang melibatkan masyarakat orang asli Australia. Penerokaan terhadap sembilan proses komunikasi antara budaya telah diambil daripada perjalanan air (*water travelling*) di Arnhem Land Utara Timur. Ternyata, melalui metafora *air*, komunikasi silang budaya dalam kalangan kanak-kanak dapat diterokai.

Bukan itu sahaja, kekuatan Teori Hibrid sebagai prosedur penginterpretasian metafora boleh dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Rozaimah Rashidin et al. (2023), Anida dan Parameswary (2023), Minikeeva et al. (2020), Muhamad Fadzllah (2016; 2015), Rozaimah dan Nor Hashimah (2014; 2013) serta Hishamudin dan Norsimah (2009).

Walau bagaimanapun, kajian linguistik yang mengaplikasikan Teori Hibrid, khususnya Model Hibrid Baharu masih lagi sedikit bilangannya yang melibatkan kajian dalam dan luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian linguistik tentang penginterpretasian metafora lebih banyak mengaplikasikan teori atau pendekatan lain seperti Teori Relevans, Teori Prototaip, Teori Medan Makna, Teori Metafora Konsepsi, Teori Semantik Kognitif dan pendekatan Semantik Inkuisitif. Kekuatan Model Hibrid Baharu yang bersifat inklusif ini tidak seharusnya diabaikan, sebaliknya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin sebagai mekanisme penginterpretasian metafora.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data dan menganalisis data perlu dititikberatkan. Hal ini bertujuan untuk memastikan proses analisisnya jelas dan akhirnya memperoleh dapatan yang signifikan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif dengan menerapkan kaedah analisis teks. Dari aspek pengumpulan data, data berkaitan dengan metafora *air* mengkonsepsikan hubungan telah dijana daripada Korpus DBP dengan memfokuskan subkorpus akhbar, majalah, buku dan teks sastera. Othman Lebar (2018: 116) menjelaskan bahawa sempadan atau parameter kajian perlu dilakukan bagi memastikan persoalan kajian dapat dijawab dengan baik.

Dalam konteks kajian ini, proses pengumpulan data telah melalui proses penjaanaan leksikal yang memaparkan tingkah laku air seperti leksikal *mengalir*, *meresap*, *membasahi*, *menitik* dan *memercik*. Tingkah laku air menjadi tumpuan dalam kajian ini kerana tingkah laku yang pelbagai itu dilihat menjadi pilihan penulis Melayu untuk diasosiasikan dalam bentuk metafora.

Hal ini diperoleh melalui pemerhatian yang dilakukan secara sepintas lalu terhadap penggunaannya dalam data Korpus DBP. Namun begitu, daripada kelima-lima leksikal tersebut, hasil janaan korpus mendapati bahawa satu konsepsi yang dominan telah dimanifestasi oleh leksikal *mengalir* dan *meresap* yang merujuk konsep hubungan. Penentuan inilah yang menjadi parameter kajian.

Oleh itu, daripada 97 data metafora gugusan *air* yang memaparkan tingkah laku air yang diperoleh daripada janaan Korpus DBP, 23 daripadanya merupakan data yang terpilih untuk dianalisis kerana leksikal ini lebih menyerlahkan konsep hubungan. Proses penyaringan yang dilakukan ini pula membolehkan pengkaji membuat pengelasan terhadap konsepsi interaksi hubungan itu dengan mengelompokkannya kepada empat perspektif, iaitu kekeluargaan, kepimpinan, keagamaan dan keperibadian.

Bagi tujuan pelaporan makalah ini, hanya satu contoh ayat dihuraikan secara deskriptif dan dibincangkan secara mendalam, iaitu contoh ayat bermetafora yang dikelaskan dalam kelompok kekeluargaan. Tujuannya adalah untuk memperlihatkan cara metafora diinterpretasi dan difahami maksud implisitnya, menjelaskan perkaitan antara simbol yang digunakan dengan maksud yang diimplikasikan dan mencungkil *weltanschauung* Melayu terhadap unsur alam, iaitu *air*.

#### KERANGKA TEORI

Teori Hibrid yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009) dan ditambah baik oleh Stöver (2010) dengan memperkenalkan istilah Model Hibrid Baharu (MHB) mendasari analisis kajian dalam makalah ini. Idea tentang penggabungan dua disiplin ilmu, iaitu Linguistik Kognitif dan pragmatik oleh Tendahl (2009) telah didorong oleh keperluan untuk menjelaskan bahawa metafora yang terbina dalam kognisi manusia merupakan manifestasi cara manusia berfikir dan memperincikan langkah yang wajar dilakukan oleh penulis dan pembaca untuk memastikan maksud yang dikomunikasikan itu

boleh difahami.

Keperluan penggabungan ini turut disokong oleh Hishamudin dan Norsimah (2009) yang berpendapat bahawa Linguistik Kognitif melihat bidang pragmatik sebagai disiplin ilmu yang dapat membantu bidang semantik untuk memacu analisis pemaknaan menjadi lebih empirikal. Hal ini dikatakan demikian kerana interpretasi makna implisit berdasarkan pendekatan Linguistik Kognitif semata-mata lebih cenderung memberikan makna yang harfiah tanpa memberikan penekanan terhadap pemahaman makna sesuatu ungkapan tersirat.

Kelompangan ini turut dibincangkan oleh Hasmidar Hassan (2006: 138), iaitu pemerian makna oleh Semantik Kognitif tidak melibatkan konteks dan terhenti pada struktur nahu sahaja. Maka, Teori Relevans berpendapat bahawa makna linguistik yang diberikan oleh pendekatan semantik ini belum mencukupi bagi menjelaskan makna ujaran yang sebenar. Perihal tentang pemahaman makna merupakan inti pati utama yang terkandung dalam pendekatan pragmatik.

Sebagai hasilnya, dapat disimpulkan bahawa kerangka asas pembinaan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) telah memanfaatkan setiap kelebihan daripada setiap pendekatan untuk diintegrasikan dalam satu teori yang akhirnya boleh berfungsi sebagai satu prosedur penginterpretasian metafora untuk diaplikasikan oleh pembaca atau pengkaji bahasa.

Walau bagaimanapun, Stöver (2010) telah mengenal pasti kelompangan daripada kerangka rantau konsepsi (*conceptual region*) yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009), iaitu kesinambungan kacukan dua disiplin ilmu tidak dapat ditonjolkan dengan jelas kerana hanya menunjukkan cara mengisi slot-slot kosong dalam bentuk gambar rajah. Bertitik tolak dengan inilah, Stöver (2010) memperkenalkan Model Proses Tiga Serangkai (MPTS) dalam Model Hibrid Baharu bagi menjelaskan perkaitan antara dua perspektif ini, iaitu metafora dalam pemikiran (*metaphor in thought*) daripada perspektif Linguistik Kognitif dan metafora dalam bahasa (*metaphor in language*) daripada perspektif pragmatik.


Model yang bersifat hierarki ini memperincikan proses-proses yang terlibat untuk memahami maksud metafora dari satu tahap ke tahap yang berikutnya. Ternyata, penerapan MPTS ini lebih menonjolkan ciri kesinambungan dua disiplin ilmu dan membolehkan maksud tersirat, skema imej, pemetaan domain dan metafora konsepsi diperoleh



dengan jelas dan bersistematik. Dapatan yang diperoleh ini menjadi cerminan *weltanschauung* Melayu yang mencerap lambang *air* untuk dimanfaatkan secara kreatif dan kritis ketika berbahasa.

Tiga proses yang terlibat dalam MPTS ialah proses simulasi (*simulation process*), proses

metarepresentasi (*metarepresentation process*) dan proses inferens (*inferential process*). Oleh sebab setiap proses yang terlibat itu memerlukan penjelasan yang lebih mendalam, maka ditunjukkan Rajah 1 sebagai adaptasi MPTS oleh Stöver (2010) bagi meningkatkan pemahaman terhadap pengoperasian model tersebut:



RAJAH 1. Ringkasan Model Proses Tiga Serangkai

### DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa sebanyak 23 data yang telah dikenal pasti mengkonsepsikan air sebagai menunjukkan interaksi hubungan. Konsepsi ini diserlahkan melalui leksikal *mengalir* dan *meresap* yang menunjukkan berlakunya pergerakan terhadap air. Hakikatnya, pengalaman badaniah yang dimiliki oleh seseorang individu

berkaitan dengan pergerakan air mempengaruhi konsepsi ini seperti air sungai yang mengalir boleh menghubungkan satu kawasan dengan kawasan yang lain atau air sungai boleh mengalir masuk ke laut melalui muara. Selain itu, keadaan air yang boleh meresap pula menjelaskan bahawa air yang berada di luar sesuatu entiti boleh bergerak masuk ke dalam liang-liang entiti tersebut. Kedua-dua

keadaan ini memaparkan interaksi hubungan yang jelas yang boleh menghubungkan atau mengikat satu entiti dengan entiti yang lain.

Hishamudin dan Mashetoh (2015) menyatakan bahawa unsur badaniah melibatkan proses yang tercipta hasil pengalaman lalu yang menghubungkan pemahaman sesuatu kata dengan makna, nilai dan budaya sesuatu masyarakat bahasa. Sebagai hasil daripada analisis yang dijalankan terhadap sejumlah data yang bersifat autentik ini, *air* sebagai konsepsi interaksi hubungan boleh dibahagikan kepada empat perspektif, iaitu kekeluargaan, kepimpinan, keagamaan dan keperibadian.

Empat perspektif yang telah dicerakin ini merupakan refleksi orang Melayu dalam memberikan persepsi terhadap air sebagai satu unsur alam yang mempunyai ciri dinamik. Perspektif pertama, iaitu perspektif kekeluargaan menunjukkan bahawa air mengkonsepsikan interaksi hubungan antara setiap ahli dalam sesebuah institusi kekeluargaan itu. Contohnya, ikatan hubungan kekeluargaan antara ibu dengan anak, suami dengan isteri, hubungan

antara adik beradik atau hubungan antara waris dengan waris yang lain dari segi ilmu atau harta.

Dari segi perspektif kepimpinan pula, air dilihat memmanifestasi hubungan antara seorang pemimpin dengan rakyat atau ketua dengan pekerja. Hubungan yang terikat ini memerlukan kerjasama antara kedua-dua belah pihak. Ketiga, perspektif keagamaan menjelaskan bahawa air sebagai mempertali hubungan antara pencipta dengan hamba-Nya dan hubungan ini lebih bersifat spiritual dan rohani. Akhir sekali, daripada perspektif keperibadian, hasil analisis mendapati bahawa air mengkonsepsikan hubungan secara peribadi, iaitu hubungan diri dengan minat, diri dengan budaya yang diamalkan, diri dengan idea yang diberikan dan hubungan antara diri sendiri dengan individu yang lain. Dapatan ini disokong oleh pendapat yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad (2016: 186), iaitu berdasarkan metafora Melayu, epistemologi Melayu atau kaedah ‘mengetahui ilmu’ dalam sistem kognitif Melayu dapat digambarkan. Oleh yang demikian, sebagai menjelaskan lagi dapatan kajian ini, rujuk Jadual 1 seperti yang berikut:

JADUAL 1. Contoh metafora *air* sebagai interaksi hubungan

Perspektif Konsepsi	Contoh Metafora
Kekeluargaan	DTS25 : Sayang benar ibunya kalau perusahaan mereka ini tidak dikembangkan dengan cara yang strategik. Nuraini akur, demi menunaikan hasrat ibu tercinta. <i>Semangat ibunya meresap ke dalam jiwanya.</i> (Legasi Bonda 2019)
Kepimpinan	DM62 : Biarpun kasih sayang yang dicurahkan tidak selama mana, namun <i>kasih sayang itu tetap segar mengalir</i> dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya,” demikianlah kata-kata yang dilafazkan oleh Puan Rozana Abu, 27 sewaktu menceritakan kisah dukanya kepada penulis. (Nona April 2002)
	DTS60 : TUN ALI: Tapi, aku tahu sekarang harta rakyat, cukai rakyat yang sepatutnya masuk ke dalam perbendaharaan diraja, telah <i>mengalir dalam kalangan pembesar-pembesar Melayu</i> belaka, kerana sultannya berketurunan Raja Rokan dan sekarang pun Rokan yang memerintah Melaka, bukannya Sultan Ibrahim. (Di Hujung Taming Sari 2020)
Keagamaan	DTS65: Esis memalingkan wajahnya ke arahku untuk memastikan aku berada dalam keadaan bersedia. Aku mengangguk kepadanya. <i>Kefahaman bisa mengalir antara kami.</i> Dia kembali memerhatikan pergerakan kedua-dua askar Morrok itu. Dia kemudiannya mengangkat tangan dan dua jari diluruskan. (Petua Azkram 2018)
	DA70: Di Jawa, <i>Islam telah meresap ke dalam kebudayaan Jawa</i> yang lebih luas. Islam merupakan teras perkembangan perjuangan Indonesia moden terhadap pemerintahan penjajah dan parti-parti politik Islam memainkan peranan yang penting dalam politik semasa di negara tersebut. (Undang-undang Islam di Asia Tenggara)
	DM63: Bertepatan dengan kesinambungan tanggungjawab ulama sebagai pewaris nabi, golongan itu memainkan peranan menyampaikan dakwah, nasihat serta bimbingan kepada masyarakat agar <i>ajaran baik terus mengalir dan bernafas dalam diri setiap insan.</i> (Pembinaan jati diri bentuk remaja cintai kebaikan 2004)

*bersambung ...*

... sambungan

Keperibadian	<p>DA67 : Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, kira-kira jam 8.45 malam dipenuhi persembahan lebih dua jam dengan pelbagai telatah pelakon veteran Malaysia dan Singapura yang membuktikan usia bukanlah penghalang, sebaliknya <i>darah seni masih kental mengalir di tubuh mereka</i>. (Persembahan unggul artis veteran 1994)</p> <p>DM69 : Nisa' mendengus kasar. <i>Sebutir demi sebutir perkataan mengalir keluar daripada bibirnya dengan teratur</i> seperti hujan yang turun laju membasahi bumi. Bercerita tentang fitnah yang menimpa suaminya. Bermula dari A sehinggalah suaminya ditahan oleh pihak polis. (Neraca Nisa' 2018)</p>
--------------	---

## PERBINCANGAN

Bagi menjelaskan proses penginterpretasian makna metafora *air* yang mengkonseptikan interaksi hubungan, maka Model Proses Tiga Serangkai oleh Stöver (2010) dalam Model Hibrid Baharu diterapkan dalam analisis ini. Langkah sistematik yang dianjurkan dalam MPTS ini bukan sahaja membolehkan maksud implisit dicungkil, malahan skema imej yang mendasari ungkapan metafora itu dapat ditonjolkan, pemetaan domain dapat dilakukan dan metafora konsepsi dapat dihasilkan, impak daripada kesepaduan pendekatan pragmatik dan semantik kognitif dalam gagasan Model Hibrid Baharu ini. Oleh itu, berikut dibawakan satu contoh data berupa petikan yang menggunakan leksikal *mengalir* dalam perspektif kekeluargaan yang memanasikan interaksi hubungan:

HATI seorang wanita. Apatah lagi setelah bergelar ibu. Tentunya sentiasa dipenuhi dengan kasih sayang dan kerinduan terhadap anak yang terpisah jauh. Lebih-lebih lagi perpisahan yang terjadi adalah perpisahan tanpa rela. Walaupun kasih sayang yang dicurahkan tidak selama mana, namun *\*\*\*kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya\*\*\**,” demikianlah kata-kata yang dilafazkan oleh Puan Rozana Abu, 27 sewaktu menceritakan kisah dukanya kepada penulis. Walaupun masih muda, namun laluan hidup yang getir menjadikan dirinya lebih matang mengharungi hidup.

(Dipetik daripada Majalah Nona 2002)

Setelah meneliti bahagian ayat *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya*, wujud keaburan untuk memahami maksud bahagian ayat tersebut apabila ditafsir secara literal. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa leksikal dalam bahagian ayat tersebut yang taksa dan tidak menunjukkan hubungan kait yang jelas dengan konteks ayat yang dibicarakan. Ketaksaan yang dimaksudkan ialah *perasaan kasih sayang yang dimiliki oleh Puan Rozana terhadap anak-anaknya* yang berkolokasi dengan ungkapan *tetap segar mengalir dalam dirinya*.

Dalam konteks ini, leksikal *mengalir* yang berasosiasi dengan air telah memberikan kesan anomali yang jelas kepada pembaca kerana berdasarkan pengalaman badaniah, kasih sayang yang lahir dalam bentuk perasaan atau emosi merupakan satu entiti yang abstrak dan tidak wujud dalam bentuk air. Dengan kata lain, kasih sayang itu bukanlah air yang boleh mengalir. Keaburan makna yang dikenal pasti ini dapat menjelaskan bahawa bahagian ayat ini sememangnya ungkapan bermetafora yang mempunyai maksud tersirat dan tidak boleh difahami secara selapis.

Langkah yang dilakukan ini adalah selari dengan pandangan pragmatik yang lazim, iaitu *“the first step in understanding metaphors is to recognize that a sentence meaning is defective in the context of utterance”* (Glucksberg & Keysar 1996: 402). Dalam hal ini, Model Proses Tiga Serangkai perlu diaplikasikan bagi mencungkil maksud yang diimplikasikan oleh *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya* dan seterusnya membincangkan justifikasi pemilihan leksikal atau lambang tertentu oleh orang Melayu.

## LANGKAH PERTAMA (PROSES SIMULASI)

Proses Simulasi merupakan langkah pertama yang dicadangkan oleh Stöver (2010). Proses asas ini dapat membantu pembaca untuk merangsang minda mereka terhadap ciri asas yang dimiliki oleh lambang yang digunakan secara tersirat oleh penulis. Dalam konteks data ini, leksikal *segar*, *mengalir*, *melimpahi* dan *tasik* perlu disingkap ciri asasnya terlebih dahulu kerana leksikal-leksikal ini mendukung makna tersirat yang tertentu. Lazimnya, pengalaman imagistik yang disimpan dalam kognitif manusia tentang *segar* ialah tidak berpenyakit atau tumbuh dengan subur, manakala *mengalir* ialah tindakan yang melibatkan pergerakan secara berterusan seperti air sungai yang mengalir atau arus

elektrik yang mengalir. Air juga boleh mengalir dari tempat yang tinggi ke tempat yang rendah.

Malahan, pergerakan *mengalir* boleh menghubungkan satu kawasan dengan kawasan yang lain. Sebagai contoh, aliran air sungai dapat menghubungkan kawasan hulu, tengah dan hilir sungai atau air sungai boleh mengalir ke laut. Kedua-dua contoh berikut menggambarkan ciri penghubung yang jelas. Seterusnya, *melimpahi* (limpah) pula ialah keadaan air yang tumpah keluar daripada bekas kerana air tersebut terlalu banyak sehingga bekas itu tidak dapat menampungnya, manakala *tasik* ialah kawasan berair yang luas dan airnya berkeadaan tenang sahaja. Hasil daripada pengaplikasian proses simulasi ini, tafsiran bersifat literal seperti yang berikut terhasil:

1. Kasih sayang Puan Rozana hadir dalam bentuk air yang mengalir dalam dirinya dan dalam keadaan subur.
2. Air kasih sayang itu terlalu banyak sehingga melimpah keluar daripada tasik yang terletak di dalam hatinya.

Representasi pengalaman imagistik yang diperoleh ini sememangnya janggal, tidak logik sekali gus tidak dapat mengimplicasikan maksud yang relevan untuk diproses oleh kognitif manusia. Oleh sebab itulah, proses simulasi ini dikatakan tidak boleh dijadikan sebagai perwakilan proposisi kerana maksudnya itu bersifat sangat literal dan cenderung untuk disalahtafsirkan (Stöver 2010).

Namun begitu, representasi pengalaman imagistik yang diperoleh ini boleh membantu pembaca untuk menghasilkan metafora konsepsi yang memberikan maklumat secara konsepsi. Metafora konsepsi juga dikatakan sudah boleh dibentuk pada tahap simulasi ini kerana Stöver (2010) menyatakan bahawa “*conceptual metaphor should be understood as part of the imagistic-experiential group of representation*”.

Bertitik tolak daripada tafsiran yang masih lagi literal, maka maklumat yang berkaitan dengan ungkapan metafora ini perlu diperkemas dan dikembangkan lagi dengan memanfaatkan entri ensiklopedia yang dimiliki oleh pembaca. Menurut Carston (2010), entri ensiklopedia boleh juga melibatkan representasi bukan proposisi.

#### LANGKAH KEDUA (PROSES METAREPRESENTASI)

Pada peringkat kedua, proses metarepresentasi diaplikasikan untuk memastikan maklumat yang

dibawa daripada proses simulasi disaring terlebih dahulu pada peringkat ini agar inputnya lebih relevan untuk dijadikan sebagai inferens nanti. Asasnya, Stöver (2010) menjelaskan bahawa proses metarepresentasi berfungsi untuk “*mediate the information flow from the imagistic-experiential representation to propositional representation by way of embedding the former in propositional schemas, so that they can function as input to the inferential module*” (p. 208). Dengan kata lain, fungsi proses metarepresentasi ini adalah untuk menguruskan kedua-dua representasi supaya maksud proposisi yang diperoleh itu menjadi lebih tepat.

Berbalik pada ungkapan *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya* yang dikaji ini, entri ensiklopedia tentang pergerakan air yang mengalir itu perlu diluaskan lagi. Pergerakan air menjadi fokus dalam proses metarepresentasi ini dan bukannya pergerakan arus elektrik kerana mengambil kira penggunaan leksikal *melimpahi* dan *tasik* yang juga bersumberkan air yang terdapat dalam ayat tersebut. *Mengalir* melibatkan pergerakan air yang berlaku secara berterusan dan lancar kerana ciri air itu sendiri yang fleksibel (mengikuti ruang). Sekiranya terdapat sesuatu yang menghalang air daripada terus mengalir seperti batu atau batang kayu, air masih boleh mengalir melalui celahan-celahan yang kecil atau sempit.

Berikutnya, keadaan air yang *melimpah dari tasik hati* itu pula merupakan kesinambungan daripada penggunaan leksikal *mengalir* sebelum itu. Oleh itu, tumpuan wajar diberikan pada keadaan air yang mengalir itu terlebih dahulu kerana bahagian ayat ini menjadi inti yang memainkan peranan yang lebih kuat dalam proses mencungkil ketersiratan makna bagi keseluruhan ungkapan tersebut.

Dalam ungkapan bermetafora ini, penulis menyatakan bahawa kasih sayang Puan Rozana tetap segar mengalir dalam dirinya. Ternyata, setelah proses pemeriksaan (*inspection*) dijalankan, wujud perkaitan yang logik antara *perasaan kasih sayang* dengan keadaan *air yang mengalir*. Hal ini dikatakan demikian kerana kasih sayang merupakan perasaan terpuji yang hanya boleh lahir daripada hati yang benar-benar ikhlas mengasihi seseorang individu atau makhluk yang bernyawa. Keikhlasan kasih sayang itu pula pastinya dapat dirasai oleh individu yang dikasihkannya itu walaupun hadir pelbagai cabaran dalam hubungan tersebut. Hal ini demikian kerana kasih sayang terbina daripada satu



ikatan yang dapat menghubungkan antara seorang individu dengan individu yang lain.

Ternyata, leksikal *mengalir* yang mendukung makna pergerakan secara berterusan dan menjadi penghubung telah memberikan kesan dan pengaruh yang kuat terhadap pemerolehan maksud ungkapan metafora ini. Oleh yang demikian, hasil daripada proses saringan maklumat ini didapati bahawa input tentang kasih sayang berfizikalkan air perlu digugurkan, sebaliknya input tentang pergerakan kasih sayang di dalam diri seperti air yang mengalir perlu disesuaikan sebagai satu perbandingan yang setara. Keperluan melakukan perbandingan ini turut dibincangkan oleh Miller (1996), “*the reader can understand the author’s grounds for using the sentence by reconstructing the conceptual basis of the comparison*” (p. 382)

#### LANGKAH KETIGA (PROSES INFERENS)

Setelah perkaitan dapat dicungkil dengan jelas pada proses metarepresentasi sebelum ini, langkah berikutnya ialah pembaca perlu melakukan proses inferens dengan mengemukakan andaian yang berkaitan dengan maklumat konteks. Proses ketiga ini merupakan langkah terpenting kerana segala maklumat yang telah diperolehi daripada proses simulasi dan proses metarepresentasi perlu dimanfaatkan secara holistik dengan dibantu oleh maklumat imajistik, maklumat ensiklopedia dan maklumat konteks. Oleh sebab itulah, Carston (2010) menyatakan bahawa “*comprehension of this type of metaphorical expression involves perceiving the literal meaning in front of the inner eye and scrutinizing it there, so to speak*”.

Oleh itu, berdasarkan ungkapan *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya*, konsep *ad hoc* peluasan wajar diterapkan agar ungkapan metafora ini dapat diinterpretasi. Konsep *ad hoc* telah diperkenalkan oleh Barsalou (1987) dalam bidang sains kognitif dan kini, Teori Relevans telah mengambil istilah ‘konsep *ad hoc*’ bagi merujuk konsep yang dikomunikasikan hanya boleh difahami berdasarkan konteks melalui proses inferensi pragmatik. Kenyataan ini telah disokong oleh Wilson (2003: 284) yang menyatakan bahawa ‘penyempitan’ dan ‘peluasan’ digunakan secara meluas dalam teori Relevans.

Dari satu sudut, Wilson (2003) menjelaskan bahawa “*“broadening” is used in relevance theory to refer to ad hoc concepts which are used to convey more general senses “with consequent widening of the linguistically-specified denotation”* (p. 274).

Dengan kata lain, konsep yang kabur seharusnya diluaskan makna leksikalnya (*broadened beyond the lexical meaning*) dan interpretasi yang telah diluaskan itu perlu disempitkan pula sehingga menemukan interpretasi yang paling relevan terhadap ujaran penutur itu. Oleh yang demikian, senarai andaian bagi ungkapan bermetafora yang dikaji sehingga menemukan kesimpulan implikatur ditunjukkan seperti berikut:

1. Kasih sayang tetap tidak mati, mengalir di dalam diri dalam bentuk air dan air itu melimpahi tasik yang berada di dalam hati.
2. Kasih sayang tetap tidak mati dan mengalir dalam diri seperti air yang mengalir dan kasih sayang mengalir dengan sangat banyak sehingga melimpahi tasik yang berada di dalam hati.
3. Kasih sayang tetap kekal dan mengalir secara berterusan di dalam diri dan kasih sayang yang banyak itu melimpahi perasaan Puan Rozana.
4. Kasih sayang Puan Rozana terhadap anak perempuannya tetap kekal dirasai, tidak terhenti dan perasaan itu terlalu banyak dan akan terus bertambah-tambah. \*

Setelah konsep *ad hoc* peluasan diaplikasikan bagi mencungkil maksud yang diimplikasikan oleh *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya*, proses yang telah mengintegrasikan pendekatan Semantik Kognitif dan pendekatan pragmatik mendapati bahawa ungkapan bermetafora itu merujuk maksud *kasih sayang Puan Rozana terhadap anak perempuannya tetap kekal dirasai, tidak terhenti dan perasaan itu terlalu banyak dan akan terus bertambah-tambah*.

Kesimpulan implikatur yang diperoleh sebagaimana andaian keempat itu dihasilkan setelah mengambil kira konteks sebelum dan selepas ungkapan tersebut. Dengan merujuk konteks keseluruhan topik yang dibicarakan ini, Puan Rozana merupakan seorang ibu tunggal yang telah dicerai oleh suaminya. Puan Rozana juga pernah menjadi mangsa penderaan mental dan fizikal oleh suaminya itu. Bekas suaminya itu pernah memisahkan Puan Rozana dengan anak-anaknya selama tiga bulan dan Puan Rozana juga pernah mengalami pendarahan haid tanpa henti selama dua bulan disebabkan tindakan bekas suaminya itu.

Kesan daripada penceraian mereka, Puan Rozana hanya mendapat hak untuk menjaga anak lelaki sulungnya itu, manakala bekas suaminya mendapat hak untuk menjaga anak perempuan

itu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ungkapan bermetafora yang telah dapat diinterpretasi itu merujuk perasaan kasih sayang Puan Rozana terhadap anak perempuannya yang hanya dapat dicurahkan sebentar sahaja sebelum diambil oleh bekas suaminya itu. Keluhuran kasih sayang Puan Rozana ini boleh diperkukuh lagi dengan bukti maklumat konteks yang diperoleh dalam sumber artikel yang dikaji ini, iaitu:

“Bukan saya tidak sayang padanya, kasih saya tiada tepinya. Sayang saya pada anak-anak tidak dapat saya gambarkan. Saya mahu semua orang dan lebih-lebih lagi anak perempuan saya tahu bahawa saya amat merindui dan menyayanginya. Harapan saya, semoga satu hari nanti apabila dia telah meningkat remaja dan sudah bijak berfikir, dia akan faham bahawa bukan saya tidak sayang padanya. Tetapi keadaan yang tidak mengizinkan. Semoga suatu hari nanti, kami akan bersama kembali dan ketika itu saya mencurahkan kasih sayang seorang ibu yang amat dirindui oleh anak saya,” sambung Rozana penuh harapan.

(Dipetik daripada Majalah Nona 2002)

Dalam hal ini, Model Hibrid Baharu acuan Stöver (2010) dapat membantu pembaca untuk menginterpretasi maksud implisit ini. Analisis data ini juga dapat membuktikan bahawa Model Proses Tiga Serangkai yang mengetengahkan tiga proses utama boleh dirumuskan seperti berikut:

*Inferential route is still understood here as playing the dominant role in comprehension, while the simulation processes, running in parallel to it in comprehension, inform it by feeding it with imagistic-experiential impressions via the metarepresentational module which embeds these impressions in a propositional format, if contextually required.*

(Stöver 2010: 206)

#### HASIL PENGAPLIKASIAN MODEL PROSES TIGA SERANGKAI DALAM MODEL HIBRID BAHARU


Berdasarkan analisis terhadap data ini, terdapat satu perkara penting yang dilihat begitu menarik untuk dikupas dengan lebih lanjut. Perkara yang dimaksudkan itu ialah kedinamikan sifat, ciri atau keadaan air telah membolehkan orang Melayu mengabstrakkannya dengan baik dalam membentuk ungkapan yang bermakna. Dalam konteks data ini, terdapat beberapa leksikal yang bersumberkan atau bercirikan air, iaitu *segar*, *mengalir*, *melimpahi* dan *tasik*. Ternyata, setelah mencerap ciri-ciri yang dimanifestasikan oleh setiap leksikal tersebut,

kesemua lambang ini mendukung konsep yang berbeza-beza mengikut konteks ayat.

Pertama, *segar* dikonsepsikan sebagai kekal, iaitu penulis mengambil keadaan tumbuhan yang segar setelah diberikan air yang mencukupi. Air yang menjadi sumber asas bagi tumbuhan ini boleh membuatkan tanaman tersebut kekal subur dan tidak mati. Konsep inilah yang dimanfaatkan secara tersirat bagi menyatakan kasih sayang yang kekal dirasai oleh Puan Rozana. Kedua, *mengalir* mengkonsepsikan maksud berterusan. Penulis mencerap keadaan air yang mengalir secara berterusan bagi menyatakan bahawa kasih sayang itu dirasai secara terus menerus dan tidak terhenti. Ketiga, keadaan air yang *melimpah* itu pula menjadi satu perlambangan untuk menyatakan bahawa kasih sayang yang terlalu banyak dirasai oleh Puan Rozana seperti air yang melimpah keluar daripada bekas.

Penulis juga memilih *tasik* sebagai satu lambang yang merujuk tempat penyimpanan emosi. Pemilihan tasik bagi menyatakan tempat yang menyimpan emosi sudah pastinya tidak dibuat secara wewenang. Keadaan tasik yang dipenuhi dengan air yang tenang sekali gus boleh menenangkan fikiran individu yang memandangnya menggambarkan ciri-ciri yang positif. Keadaan ini adalah sejajar dengan konteks data yang dibicarakan ini, iaitu menceritakan keluhuran kasih sayang yang dirasai oleh seorang ibu yang terpaksa berpisah dengan anak perempuannya kerana penceraihan.

Analisis data ini membuktikan bahawa ciri, sifat dan keadaan yang dimiliki oleh air itu memberikan rangsangan yang begitu ostensif kepada orang Melayu yang bijak mencerap dan menaakulnya. Bukan itu sahaja, analisis ini juga menunjukkan bahawa setiap leksikal bersumberkan *air* yang berkolokasi antara satu sama lain dapat disepadukan dengan baik untuk membentuk ungkapan bermetafora yang bermakna dan boleh difahami. Maka, jelaslah bahawa apabila pembaca mempunyai maklumat latar belakang yang sama dan pengetahuan yang sama dengan penulis tentang satu-satu isu atau lambang yang digunakan itu, maka maklumat yang ingin disampaikan itu mudah untuk diproses atau difahami. Konsepsi bagi leksikal-leksikal tersebut ditunjukkan dalam Rajah 2.



RAJAH 2. Proses pemetaan dua domain bagi leksikal *segar*, *mengalir*, *melimpahi* dan *tasik*

Konsepsi ini ternyata disokong oleh pendapat yang dikemukakan oleh Asmah Omar (1986), iaitu melalui persepsi terhadap alam sekeliling, manusia seterusnya menimbulkan penggolongan atau pengkategorian bagi apa-apa yang disaksikannya itu.

Setelah maksud implisit yang didukung oleh ungkapan *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya* telah diperoleh, langkah berikutnya ialah membentuk metafora konsepsi. Pembentukan metafora konsepsi yang berasaskan pengalaman badaniah (*embodied experience*) ini seharusnya menepati ciri-ciri yang universal (Kövecses 2002). Walau bagaimanapun, bagi membentuk metafora konsepsi, pemetaan domain dan pengelasan skema imej perlu diperjelas terlebih dahulu kerana ketiga-tiga perkara ini saling berkaitan.

Dari sudut perbincangan berkaitan skema imej, ungkapan bermetafora yang dikaji ini memperlihatkan satu skema imej yang sangat dominan, iaitu skema imej PENGHUBUNG (*LINK*).

Leksikal *mengalir* menjadi peranti linguistik yang memberikan pengaruh yang kuat terhadap pengkategorian skema imej PENGHUBUNG ini. Leksikal *mengalir* yang merujuk makna *berterusan* telah menunjukkan ciri penghubung yang jelas, sekali gus memberikan makna kasih sayang yang sentiasa dirasai dan tidak pernah terhenti oleh Puan Rozana terhadap anak perempuannya itu.


Dalam hal ini, kasih sayang itulah yang menjadi perkara induk yang dapat menghubungkan antara dua individu yang mempunyai pertalian darah yang sama, iaitu antara seorang ibu dengan anak perempuannya. Menurut agama Islam, ikatan kekeluargaan yang melibatkan pertalian darah ini sememangnya akan sentiasa berhubung walaupun insan tersebut telah meninggal dunia. Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang skema imej PENGHUBUNG, berikut ditunjukkan visualnya yang telah disesuaikan daripada rajah yang dikemukakan oleh Johnson (1987) berkaitan skema imej PENGHUBUNG:



RAJAH 3. Skema imej PENGHUBUNG

Rajah 3 menunjukkan konsep struktur skema imej PENGHUBUNG yang dibentuk berdasarkan pengalaman yang kebanyakannya dialami oleh manusia. Dengan visual yang ringkas tetapi bermaklumat ini, pembaca lebih mudah memahami maksud yang tersimpan di sebalik ungkapan bermetafora itu dalam bentuk pemetaan struktur ruang ke atas struktur konsepsi (Anida & Nor Hashimah 2017: 23). Berikutnya, pemetaan dua domain pula dilakukan bagi menjelaskan lagi

hubungan yang wujud antara ungkapan bermetafora itu dengan skema imej yang mendasarinya. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), pemetaan domain melibatkan operasi aspek makna harfiah dalam domain sumber disasarkan kepada aspek makna yang tidak harfiah dalam domain sasaran. Oleh itu, pemetaan domain bagi ungkapan *kasih sayang itu tetap segar mengalir dalam dirinya dan akan terus melimpahi tasik hatinya* adalah seperti yang berikut,



RAJAH 4. Proses pemetaan dua domain *kasih sayang mengalir*

Berdasarkan Rajah 4, ungkapan kasih sayang mengalir dalam domain sumber telah disasarkan sebagai kasih sayang berterusan dalam domain sasaran. Konsepsi pada bahagian domain sasaran tersebut mengambil kira ciri air dengan memfokuskan pergerakan air yang mengalir di sungai untuk disesuaikan mengikut konteks ayat. Maka, metafora konsepsi yang boleh dibentuk daripada proses pemetaan ialah KASIH SAYANG YANG BERTERUSAN IALAH ALIRAN YANG MENGHUBUNGKAN.

Metafora konsepsi yang terhasil ini merupakan satu perwakilan konsepsi yang lazim dan boleh diterima oleh logik akal. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk memahami apakah kasih sayang yang berterusan atau bagaimanakah kasih sayang berterusan, pembaca boleh membayangkan aliran air di sungai yang dapat menghubungkan setiap kawasan. Malahan, realitinya, kasih sayang yang diikat oleh hubungan kekeluargaan ini sangat sukar dihilangkan walaupun timbul pelbagai kemelut dalam hubungan itu kerana kasih sayang itu terbina daripada satu ikatan yang kuat kerana dipengaruhi oleh faktor nasab.

Oleh yang demikian, analisis yang dijalankan terhadap data ini menemukan satu maklumat penting yang perlu diberikan perhatian, iaitu bagi mencapai relevans yang optimum, perkara utama yang perlu dititikberatkan oleh penulis

ialah menggunakan rangsangan-rangsangan yang ostensif untuk mengurangkan usaha memproses maklumat oleh para pembaca. Rangsangan yang ostensif ini juga dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi kepada para pembaca seperti pemilihan leksikal *mengalir* bagi merujuk maksud *kasih yang berterusan*. Dengan kata lain, setiap leksikal dalam ungkapan bermetafora yang bertindak sebagai peranti linguistik itu seharusnya digunakan dengan tepat dan ciri asas lambang yang diabstrakkan ke dalam ungkapan bermetafora itu perlulah sedekat mungkin menepati konteks yang dibicarakan itu.

Sperber dan Wilson (1995) juga menyatakan bahawa relevans yang optimum itu mungkin juga berbeza bagi setiap individu kerana setiap pembaca mempunyai tahap kognitif dan latar belakang yang berbeza. Oleh sebab itu, leksikal atau lambang yang dipilih haruslah ostensif kerana leksikal atau lambang yang dipilih itu dijadikan input yang diproses oleh pembaca untuk membantu mereka mendapatkan maksud yang dihajati oleh penulis. Segala maklumat imagistik dan maklumat ensiklopedik yang dimiliki oleh pembaca juga dimanfaatkan bagi mendapatkan maksud yang sebenar. Oleh itu, jika lambangnya jelas dan berkaitan dengan konteks, perbezaan relevans yang optimum antara pembaca itu dapat dicekalkan sekali gus dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah ketidaktepatan tafsiran dalam kalangan pembaca.



## KESIMPULAN

Kajian ini dapat membuktikan bahawa orang Melayu begitu bijak memanfaatkan alam sekeliling mereka untuk diabstrakkan secara tersurat dalam penulisan bagi menyatakan maksud yang tersirat. Kepentingan penggunaan lambang yang jelas ini dapat menolak ciri wewenang (*arbitrary*) bahasa Melayu yang dicanangkan oleh sesetengah sarjana Barat, walhal penaakulan dan pencerapan orang Melayu terhadap *air* secara implisit merepresentasikan *weltanschauung* Melayu yang kreatif dan kritis. Analisis metafora *air* yang dihasilkan oleh penutur Melayu menunjukkan bahawa cara mencerakan metafora yang melibatkan proses penginterpretasian yang jelas dan inklusif adalah sangat penting untuk dijalankan secara berpandu. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa faktor utama yang mendorong orang Melayu menjadikan tingkah laku air (pergerakan air) untuk menjelaskan sesuatu secara tersirat kerana kehidupan orang Melayu itu sendiri yang terlazim dengan air yang menyebabkan mereka arif tentang setiap sifat dan tingkah laku air tersebut. Oleh sebab itulah, air dikatakan merujuk makna interaksi hubungan kerana konsepsi ini berbalik pada pergerakan air yang mengalir secara berterusan dan boleh meresap ke setiap liang yang halus yang berfungsi sebagai agen penghubung yang baik.

Justeru, input daripada makalah ini diharapkan dapat memberikan ilmu baharu kepada para pembaca tentang cara sesuatu metafora diinterpretasi kerana setiap ungkapan bermetafora yang dihasilkan oleh penulis merupakan satu usaha kreatif dan kritis yang secara tidak langsung bertujuan untuk menonjolkan kecendekiaan orang Melayu. Oleh itu, kajian terhadap unsur alam yang lain seperti *api*, *angin* atau *tanah* juga wajar dilakukan bagi mengenal pasti konsepsinya dan menjelaskan perkaitan antara simbol yang digunakan dengan makna yang diimplikasinya. Kajian yang bersifat silang budaya juga boleh dijalankan pada masa akan datang kerana dijangkakan dapatannya akan bertambah menarik kerana setiap bahasa dengan budaya yang berbeza pastinya mempunyai perspektif yang berbeza terhadap sesuatu unsur alam itu.

## RUJUKAN

- Anida Sarudin, & Nor Hashimah Jalaluddin. 2017. *Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anida Sarudin, & Parameswary Shanmugam. 2023. Operasi metafora nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Analisis teori Hibrid. *Jurnal Bahasa* 23(1): 33-64.
- Armstrong, E., Maypilima, L., Bukulatjpi, Y., Gapan, D., Fasoli, L., Ireland, S., Baker, R. D., Hewat, S. & Lowell, A. 2023. A flow that comes when we're talking: Water metaphors for exploring intercultural communication during early childhood assessment interactions in a Yolju (First Nations Australian) community. *Journal of Applied of Communication Research* : 1-25
- Asmah Omar. 1996. Metaphors of anatomy as reflection of Malay cultural belief. *Jurnal Bahasa Jendela Alam* 1: 7-20.
- Asmah Omar. 2021. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrina Sopian. 2015. Menghargai air sebagai sumber kehidupan. *Utusan Malaysia*. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2015/03/16/menghargai-air-sebagai-sumber-kehidupan/> [Mac 16].
- Barsalou, L. 1987. The instability of graded structure: implications for the nature of concepts. Dlm. *Concepts and Conceptual Development: Ecological and Intellectual Factors in Categorization*, disunting oleh U. Neisser, 141-174. Cambridge: Cambridge University Press.
- Black, C. 2004. *Corpus Approaches to Critical Metaphor Analysis*. UK: Palgrave Macmillan.
- Boxi, F. 2023. Water in the Mencius: Correlative reasoning, conceptual metaphor, and/or sacred performative narrative? *Religions* 14: 710
- Carston, R. 2010. *Thoughts and Utterances: The Pragmatics of Explicit Communication*. US: Blackwell Publishing.
- Creswell, J. W. 2008. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches* (3rd ed.). US: Sage Publications.
- Farhana Muslim Mohd Jalis, Syasya Afifah Jusni, & Salmah Jan Noor Muhammad. 2023. Perbandingan unsur patriotik dan gaya bahasa antara lirik lagu Lili Merleen dan Perwira. *International World of the Malay World and Civilisation* 11(3): 95-108.
- Hasmidar Hassan. 2006. Kata hubung DAN dan TETAPI: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. 2016. *Bahasa dan Pemikiran Melayu (Pesan Terakhir Pejuang Bahasa)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. 2015. Memahami pemikiran Melayu melalui pembedaan makna lexis darah dalam peribahasa. *Jurnal Melayu* 14(2): 190-201.
- Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal. 2009. Manifestasi nilai setia berdasarkan teori Hibrid. *Jurnal Bahasa* 9(1): 19-39
- Kövecses, Z. 2000. *Metaphor and emotion: Language, culture and body in human feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lakoff, G., & Johnson, M. 1980. *Metaphor we live by*. Chicago: University of Chicago Press.
- Leech, G. 1983. *Principles of Pragmatics*. USA: Longman
- Loader, J. A. 2023. Water metaphor and polyvalence in the book of proverbs. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies* 79(2): 1-7.
- Miller, G. A. 1996. Images and models, similes and metaphors. Dlm. A. Ortony (Ed.). *Metaphor and thought* (2ed), hlm. 357-400. Cambridge: Cambridge University Press.
- Minikeeva, A. A., Sadykova, A. G. & Med, N. G. 2020. Cognitive linguistic approach to the integrated theory of metaphor. *Jurnal Artículos* 25(7): 244-249.

- Mohamad Razif. 2019. Pesta puja pantai. *Al-Afkar*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3264-al-afkar-49-pesta-puja-pantai> [April 5].
- Mohamad Yazid Kerya, Fatahiyah Mohd Ishak, & Wan Roslina Wan Ismail. 2015. Gaya bahasa dalam teater tradisional Mek Mulung. *International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015)*, hlm. 61-78, Langkawi, Malaysia. 16-17 Disember.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali. 2021. Gaya bahasa dalam kepengarangan puisi: Kajian perbandingan stilistik penerima S.E.A. Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna). *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 4(1): 75-91.
- Muhamad Amirul Sahdun & Nurul Jamilah Rosly. 2021. Semantik kognitif dalam peribahasa Melayu bersumberkan air. *International Young Scholars Journal of Languages* 4(1): 140-158.
- Muhamad Fadzillah Zaini. 2016. Analisis semantik kognitif pantun Melayu. Projek Ilmiah, Universiti Teknologi MARA.
- Muhamad Fadzillah Zaini. 2015. Metafora adat dalam pantun Melayu: Analisis teori Hibrid. Kolokium Bahasa, Linguistik dan Komunikasi, Shah Alam, Malaysia.
- Nor Hafuza Muhammad Arif  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Emel: hafuza.arif@gmail.com
- Maizura Osman (Penulis koresponden)  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Emel: mai.zura@um.edu.my
- Hasmidar Hassan  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei.  
Emel: hasmidar.hassan@ubd.edu.bn
- Muhammad Haji Salleh. 1989. *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. 2018. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. 2013. Emotional metaphor of marah (anger) in Hikayat Merong Mahawangsa: An analysis of the Hybrid theory. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 21(S): 77-90.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. Metaphor of amok in traditional Malay text corpora: An analysis using the Hybrid theory. *International Conference on Knowledge-Innovation-Excellence: Synergy in Language Research and Practice (SoLLs.INTEC.13)*, hlm. 412-419
- Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. 2023. Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku Falsafah Hidup karya Hamka. *Jurnal Bahasa* 23(1): 113-14.
- Seeman, M.V. 2023. Use a metaphor when treating unexplained medical symptoms. *World Journal of Clinical Cases* 16(11): 332-421.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. Inference and implicature. Dlm. T. Charles (Ed.), *Meaning and Interpretation*, hlm. 245-256. UK: Basil Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1995. *Relevance: Communication and cognitive* (2nd ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Stöver, H. 2010. Metaphor and relevance theory: A new hybrid model. Doctoral thesis, University of Bedfordshire.
- Tendahl, M. 2009. *A hybrid theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistics*. UK: Palgrave Macmillan.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron. 2020. Analisis metafora dalam penafsiran ideologi dalam wacana manifesto Pakatan Harapan. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, Dalam Talian. 24-25November.
- Yoga Yolanda. 2018. Metafora air dalam peribahasa Indonesia: Kajian semantik kognitif. <http://mulok.library.um.ac.id/index3.php/87953.html>
- Zurinah Hassan. 2010. *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.